

Akademi Tentera Udara (ATU)



airforce.mil.my/mengenaikami/pangkalan-udara/akademi-tentera-udara-atu

Akademi Tentera Udara (ATU)

Institut ini ditubuhkan pada tahun 1979 yang menggantikan Pusat Latihan Rekrut iaitu di TUDM Kuantan, TUDM Kinrara dan tumpangan di PUSASDA. Terletak di atas tanah berkeluasan 150 ekar dan berhampiran dengan Bandaraya Ipoh, pengambilan pertama pada tahun 1980 adalah seramai 1200 orang.



ITU telah dirasmikan pada 23 Jun 1982 oleh DYMM Seri Paduka Baginda Sultan Perak, Al-Marhum Sultan Idris Shah. Sepanjang penubuhan ITU, ITU telah beberapa kali bertukar nama iaitu pada mulanya dikenali sebagai Pusat Latihan Rekrut TUDM (1982-1993), Sekolah Tentera Udara (1993-2004), Institut Latihan Tentera Udara (2004-2017) dan Akademi Tentera Udara (14 April 2017 – sekarang). ATU telah diterajui oleh 17 Komandan sepanjang penubuhan.

:: VISI

Menjadi sebuah akademi latihan ketenteraan yang professional dan terunggul dalam ATM.

:: MISI

Melatih dan melahirkan pegawai dan askar laskar yang berpengetahuan, berani, bermoral dan memiliki asas dan kepakaran yang professional untuk melaksanakan tugas dalam TUDM melalui latihan yang efisien dan efektif.
